

KHUTBAH JUMAAT: CABARAN MEMBANGUN POTENSI BELIA

PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN

Mimbar jumaat pada hari ini akan membawa kita merenung jauh sambil melihat dan berfikir tentang generasi belia dan muda-mudi di negara kita pada hari ini. Golongan belia merupakan tonggak sesebuah negara kerana golongan inilah merupakan generasi pendokong dan menjadi warisan masa depan umat Islam sama ada kita akan semakin maju ataupun mundur. Golongan belia menjadi aset terbaik untuk membangun, memaju serta memperkasakan ummah, bangsa dan negara. Pembangunan belia masa kini akan membentuk pembangunan negara kita pada masa hadapan. Oleh yang demikian, belia harus menyahut cabaran untuk menjadi pengemudi bahtera bagi masa akan datang.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Pada zaman Rasulullah s.a.w., kita mendapati bahawa golongan belia merupakan pemangkin ke arah kelangsungan dakwah Islam. Nama-nama belia yang menyumbangkan masa, tenaga dan jiwa terhadap Islam, seperti Ali bin Abu Talib, Usamah bin Zaid, Abdullah bin Abu Bakar, Asma binti Abu Bakar, Amir bin Fuhairah dan banyak lagi. Kehebatan golongan belia pada zaman Rasulullah terserlah apabila mereka bersungguh-sungguh melakukan segala yang boleh memberi kebaikan kepada Islam.

Dr. Said Ramadhan al-Buti dalam bukunya, Fiqh al-Sirah menceritakan mengenai ketekunan golongan belia pemuda dan pemudi dalam menjayakan usaha hijrah Nabi s.a.w. dari Mekah ke Madinah. Abdullah bin Abu Bakar yang mewakili golongan pemuda berulang alik antara Mekah dan Gua thur, beliau mengintip rahsia dari kalangan kaum musyrikin Mekah dan membawa ke pengetahuan Rasulullah dan Saidina Abu Bakar di Gua Thur.

Manakala Asma yang mewakili golongan pemudi bertungkus lumus menyediakan makanan dan kenderaan untuk keperluan Rasulullah dan

Saidina Abu Bakar dalam perjalanan hijrah mereka. Usaha mereka yang bersungguh-sungguh ini telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang dalam penghijrahan nabi.

Pendokong dakwah pada zaman nabi kebanyakannya terdiri dari kalangan belia. Malah ratusan ribu lagi para pejuang Islam terdiri daripada golongan belia. Mereka memperjuangkan dakwah Islam, pembawa panji-panji Islam, serta merekalah yang akan ke hadapan menjadi benteng pertahanan ataupun serangan bagi bala tentera Islam.

Mereka secara keseluruhannya terdiri dari kalangan pemuda, bahkan ada antara mereka adalah remaja yang belum atau baru meningkat dewasa. Usamah bin Zaid misalnya, diangkat oleh Nabi s.a.w. sebagai ketua untuk memimpin pasukan kaum Muslimin menyerbu Wilayah Syam (saat itu merupakan Wilayah Rom) dalam usia 18 tahun. Abdullah bin Umar pula telah memiliki semangat juang yang tinggi untuk mempertahankan Islam sejak berumur 13 tahun.

Sekalipun dengan menyingkap kembali kisah tersebut seolah-olah kita menoleh ke zaman silam, tetapi hakikat perjalanan hidup mereka benar-benar membangkitkan semangat dan menyuburkan jiwa golongan belia untuk bangun membawa obor Islam di tengah-tengah umat yang semakin hari semakin lupa, lalai dan alpa tentang erti dan tujuan hidup sebagai hamba Allah di muka bumi.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Kerajaan Malaysia telah menetapkan tarikh **15 Mei** setiap tahun sebagai Hari Belia Negara. Tujuan utama program ini diadakan antaranya adalah;

Untuk mewujudkan belia-belia yang berilmu dan bermaklumat dengan memperbaharui ikrar dan tekad ke arah pembangunan diri dan negara sebagai asas kepada pemimpin masa depan. Di samping itu juga, bagi

memberi kesedaran kepada golongan belia bahawa kerajaan mengambil berat tentang peranan mereka di dalam membangunkan negara ini.

Pencapaian para belia kita pada masa kini telah mencapai tahap yang memberangsangkan. Ini terbukti dengan meningkatnya bilangan belia Melayu Islam yang lulus dari universiti-universiti antarabangsa mahupun universiti-universiti tempatan, berkerjaya dan mempunyai pendapatan yang baik serta mampu berdaya saing. Namun, sedang kita ghairah menghadapi perubahan semasa, adakalanya kita terlupa kepada golongan belia yang masih terkapai-kepai mencari identiti sendiri dalam mengharungi cabaran-cabaran masa kini.

Sebagai masyarakat Islam yang telah mengaku bahawa semua umat Islam adalah bersaudara, kita mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membantu para belia ini untuk memperolehi identiti Islam yang seharusnya ada pada setiap individu muslim. Tanpa kita sedari, ada di kalangan mereka yang terpaksa mencari identiti dari sumber yang salah dan tidak dipasakkan pada nilai-nilai yang murni.

Sidang Jumaat sekalian,

Cabaran utama yang membimbangkan kita pada hari ini ialah cabaran globalisasi. Apabila ia dilihat dari sudut yang baik, ia memberi kita ruang untuk menyalurkan maklumat dan berkongsi pengalaman tamadun dengan masyarakat lain. Umat Islam juga mendapat peluang untuk berinteraksi serta mempelajari budaya dan apa sahaja antara satu sama lain dalam masa yang singkat.

Ini semua di antara kebaikan yang dapat dinikmati bersama arus globalisasi yang sedang berleluasa. Namun, di sebalik kebaikan-kebaikan ini, terdapat juga kesan-kesan buruk serta implikasinya yang amat membimbangkan.

Untuk itu, pihak kerajaan melalui pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9, telah menggubal dan akan melaksanakan Misi Nasional iaitu satu rangka kerja bagi agenda pembangunan negara merangkumi lima teras utama.

Salah satu teras yang amat berkait dengan pembangunan belia adalah dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'. Kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Pada masa yang sama penekanan akan diberi kepada usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral yang tinggi.

Islam tidak menghalang umatnya untuk bergerak maju mengikut arus permodenan semasa. Namun, dalam kita menghadapi arus permodenan ini, kita perlu mempunyai ilmu serta jati diri yang kukuh agar kita tidak mudah terikut-ikut dengan kemodenan yang terpesong dari nilai agama Islam.

Islam sebenarnya telah menggariskan beberapa sifat dan ciri belia yang menjadi aset dan mampu menjana kekuatan, kemajuan serta tamadun bangsa. Antara ciri tersebut adalah:

1. **Berilmu dan beriman.** Belia yang berilmu merujuk kepada penguasaan pelbagai cabang dan bidang ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Firman Allah S.W.T.

Maksudnya: ... Allah akan meninggikan (darjat) orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang berilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(al-Mujadalah: 11).

2. **Berakhlak mulia.** Akhlak yang mulia adalah ibarat teras yang menjadi kekuatan syakhsiah dan peribadi seseorang individu. Tanpa dihiasi dengan akhlak akan rosaklah generasi dan bangsa. Sesebuah kemajuan yang dicapai tidak akan bererti lagi apabila generasi sudah kehilangan akhlak, nilai diri dan kemanusiaan. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud: *'Bahawasanya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia'*.

(Riwayat Ahmad, Hakim dan al-Baihaqi).

3. **Beramanah dan adil.** Sifat amanah dan adil merupakan dua sifat kembar yang sangat penting dan perlu dihiasi dalam peribadi golongan belia terutamanya, dalam usaha untuk membina kemajuan ummah. Firman Allah S.W.T. dalam surah an-Nisaa' ayat 58:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat.

Inilah antara ciri-ciri dan sifat yang perlu dipasakkan dalam peribadi golongan belia kita pada hari ini demi untuk membangun dan memajukan ummah, bangsa dan negara dalam lingkungan rahmat dan barakah. Negara kita Malaysia memerlukan golongan belia yang benar-benar berwibawa, berperibadi dan bersyukur Islam, bersesuaian dengan sanjungan yang diberikan kepada mereka sebagai pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.